

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 APRIL 2016

Dr. M terdesak minta campur tangan asing

PUTRAJAYA 11 April - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta campur tangan asing dalam hal ehwal negara ini merupakan usaha terdesaknya menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas beberapa usaha sebelum ini tidak membawa hasil.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, cubaan terbaharu Dr. Mahathir itu bukan untuk kepentingan rakyat negara ini tetapi lebih kepada dendam kesumat beliau terhadap Perdana Menteri.

"Saya masih ingat lagi ketika beliau menjadi Perdana Menteri dahulu pelbagai asakan diterimanya termasuk daripada media Australia, namun beliau masih mampu bertahan sehingga 22 tahun.

"Sebagai rakyat Malaysia kita yang perlu memutuskan sendiri setiap perkara bukan dengan meminta campur tangan pihak asing untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada, usaha beliau ini satu tindakan terdesak bagi memenuhi dendam kesumat serta dengki terhadap Perdana Menteri dan saya hendak

beri tahu usahanya ini tidak akan berjaya," katanya.

Beliau mengulas tindakan Dr. Mahathir ketika diwawancara oleh akhbar Australia, *The Weekend Australian* baru-baru ini yang meminta campur tangan asing dalam usaha terbaharunya untuk menjatuhkan Perdana Menteri.



MOHAMED NAZRI AZIZ

Terdahulu beliau merasmikan majlis perhimpunan bulanan dan menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang 2015 kepada 398 penerima di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Tan Sri Dr. Ong Hong Peng.

Dalam pada itu, ditanya mengenai laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang memutuskan bahawa Perdana Menteri tidak terlibat secara langsung dalam syarikat pelaburan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), katanya, semua pihak perlu menghormati keputusan tersebut kerana anggota PAC bukan sahaja terdiri daripada ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), malah turut dianggotai oleh pembangkang.

"Walaupun dari segi struktur,

Perdana Menteri merupakan Penasihat 1MDB tetapi saya yakin beliau tidak mempunyai masa mencukupi untuk menguruskan syarikat itu secara mikro kerana mempunyai banyak urusan lain untuk diselesaikan.

"Selalunya syarikat milik kerajaan (GLC) akan meletakkan Perdana Menteri sebagai penasihat sama seperti di peringkat negeri, mereka lantik menteri besar sebagai penasihat, justeru untuk menyatakan bahawa Najib urus secara mikro dan buat keputusan harian, itu tidak betul," katanya.

Mengulas mengenai tindakan Perdana Menteri menandatangani dokumen berkaitan 1MDB, katanya, perkara tersebut merupakan amalan biasa bagi penasihat sesebuah syarikat selepas mendapat maklumat dan nasihat daripada ketua syarikat tersebut.

Sementara itu, ditanya mengenai debat antara Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dengan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan mengenai isu tanah Taman Manggis, katanya, langkah tersebut tidak membawa sebarang manfaat kerana kes tersebut telah dibawa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan semua pihak seharusnya menyerahkan kepada pihak berkuasa tersebut untuk melakukan siasatan.

um-12/4/2016